



MADRID Maersk berlabuh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, dekat Johor Bahru, baru-baru ini.

Madrid Maersk berlabuh di PTP

KUALA LUMPUR 30 Mei - Madrid Maersk, kapal kelas Triple-E milik Maersk Line, syarikat perkapalan kontena terbesar dunia, berlabuh buat pertama kalinya di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

Dalam satu kenyataan hari ini, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. (PTP) berkata, kapal kontena yang berkeupayaan membawa 20,568 unit bersamaan 20 kaki (TEU) itu berlabuh di pelabuhan tersebut pada 16 Mei 2017, dalam pelayaran sulung bagi laluan Asia - Eropah (AE2).

"Kapal berkenaan yang sebelum ini berlabuh di Yantian, China, dijadualkan singgah di pelabuhan berikutnya, Algeciras,



Pelabuhan itu berkeupayaan menerima kapal mega kerana mempunyai peralatan dan kemudahan yang sesuai."

CHE KHALIB MOHAMAD NOH
Pengerusi PTP

Spanyol," katanya.

Pengerusi PTP, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh berkata, pelabuhan itu berkeupayaan menerima kapal mega kerana mem-

punyai peralatan dan kemudahan yang sesuai.

"PTP direka bentuk untuk menerima kapal kontena generasi terkini dan mampu mengendalikannya jumlah muatan yang besar.

"Pelabuhan strategik dalam peralatan dan kemudahan kami akan berterusan secara beransur-ansur.

"Program pengembangan dan menaik taraf peralatan kami akan memastikan PTP mampu mengikuti perubahan pesat dalam industri pelabuhan dan perkapalan dan seterusnya memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada pelanggan kami," katanya. - BERNAMA